



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PENGGUNAAN BADGE BUTTON UNTUK MENINGKATKAN MINAT BELAJAR DAN PENCAPAIAN MURID TERHADAP PENGAJARAN BAHASA CINA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
WONG HOI YEE



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PENGGUNAAN BADGE BUTTON UNTUK MENINGKATKAN MINAT BELAJAR DAN PENCAPAIAN MURID TERHADAP PENGAJARAN BAHASA CINA

WONG HOI YEE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada pensyarah pembimbing iaitu Profesor Dr. Kamarulzaman bin Kamaruddin yang telah banyak membantu saya. Beliau juga sering memberi tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan serta dorongan yang diberikan kepada saya dalam menyiapkan tesis ini dengan sepenuhnya.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang saling membantu, memberi idea dan dorongan sehingga saya dapat menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pentadbir sekolah jenis kebangsaan cina di Perak yang memberi kebenaran dan kemudahan sepanjang tempoh saya menjalankan kajian. Malahan, saya ingin berterima kasih kepada semua pihak atas pertolongan yang dihulurkan sama ada secara langsung maupun tidak langsung.

Akhirnya, saya sangat bersyukur kerana ahli keluarga tersayang saya yang sering menemani untuk mengharungi segala cabaran semasa saya melaksanakan kajian. Dengan bantuan dan sokongan mereka, saya berjaya menyiapkan tesis saya dengan senang dan bersemangat.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan program intervensi menggunakan ‘badge button’ bagi meningkatkan minat belajar murid dalam mata pelajaran Bahasa Cina. Reka bentuk kajian kuasi eksperimen digunakan dalam kajian ini bagi melihat keberkesanan program dalam perbandingan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Reka bentuk pembalikan ABA (A-baseline, B-treatment, A-return to baseline) digunakan untuk memungut data bagi tingkat murid yang menunjukkan minat belajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan borang pemerhatian. Reka bentuk pembalikan ABA adalah analisis perubahan minat belajar murid ke atas program ‘Badge Button’ yang bermula dari pungutan data sebelum intervensi (A), semasa intervensi (B) dan selepas intervensi dihentikan (A). Seramai 84 orang kanak-kanak yang berumur 10 tahun daripada sebuah sekolah jenis kebangsaan cina yang terletak di daerah Batang Padang, Perak telah dipilih sebagai sampel dan dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu 42 orang setiap kumpulan. Dapatan kajian juga menunjukkan skor min ujian pra kumpulan kawalan ialah 53.512 manakala skor min pasca pula ialah 60.119. Peningkatan skor min bagi kumpulan kawalan ialah sebanyak 6.607. Manakala, skor min ujian pra bagi kumpulan rawatan ialah 56.905 dan skor min ujian pasca ialah 71.845 iaitu peningkatan skor min kumpulan rawatan adalah 14.941. Analisis keputusan soal selidik menunjukkan sambutan positif dan memaparkan keberkesanan penggunaan ‘badge button’ dalam pengajaran Bahasa Cina berbanding dengan pengajaran tradisional yang sering dijalankan oleh guru di dalam bilik darjah. Secara kesimpulannya, penggunaan ‘badge button’ dalam pengajaran Bahasa Cina ini didapati berkesan dalam meningkatkan minat belajar murid berbanding dengan teknik konvensional.





EFFECTS OF BADGE BUTTON ON INCREASING STUDENTS'S INTEREST AND ACHIEVEMENT OF STUDY IN MANDARIN SUBJECT

ABSTRACT

This study aimed to determine the effectiveness of the intervention program using 'Badge Button' in order to increase student's interest of in studying Mandarin subject. Quasi-experimental design was used to examine the effectiveness of the program in terms of comparison between the treatment group and control group. The ABA Reversal Design (A-baseline, B-treatment, A-return to baseline) was used in collecting data for behaviour interest in study of students when teaching process was held by using an observation form. The ABA Reversal Design is an experimental analysis of behavior changes on intervention program starting from the baseline (A), to intervention (B) and then returning to baseline (A). A total of 84 children at the age of 10 from a primary school (SJK C) which located in Batang Padang, Perak were selected as sample and were divided into two groups with 42 children each. The study showed that the mean pre-test for control group was 53.512 while the mean post-test was 60.119. The mean score increased by 6.607 for the control group. On the other hand, the mean pre-test for the treatment group was 56.905 and the mean post-test mean score was 71.845, an increase of 14.941 in the mean score for the treatment group. Questionnaire analysis showed positive response and showed the effectiveness of the use of the 'badge button' in Chinese teaching as compared to traditional teaching that teachers often use in the classroom. In conclusion, the use of the 'bagde button' in the teaching of Chinese language has been found to be effective in increasing student learning as compared to conventional techniques.





ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi



SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Soalan Kajian dan Hipotesis Kajian	9





1.5.1 Soalan Kajian	10
1.5.2 Hipotesis Kajian	10
1.6 Signifikan Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	
1.7.1 Kementerian Pendidikan	12
1.7.2 Guru-guru	12
1.7.3 Pengkaji Masa Depan	13
1.7.4 Pihak Lain	13
1.8 Batasan Kajian	13
1.9 Definisi Operasional	
1.9.1 Definisi ‘Badge Button’	14
1.9.2 Definisi Minat Belajar	15
1.9.3 Definisi Pengajaran	18
1.10 Kesimpulan	18



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	19
2.2 Pengertian Sistem Ekonomi Token	20
2.3 Pengertian Minat dan Belajar	
2.3.1 Pengertian Minat	32
2.3.2 Pengertian Belajar	35
2.4 Pengertian Minat Belajar	37
2.5 Pengertian Pengajaran Bahasa Cina	38
2.6 Teori-teori Berkaitan	
2.6.1 Teori Behaviorisme	41





2.7 Kajian-kajian Lepas	44
2.8 Kesimpulan	48

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	49
3.2 Reka Bentuk Kajian	50
3.3 Instrumen Kajian	
3.3.1 Ujian Pra dan Ujian Pasca	55
3.3.2 Soal Selidik	60
3.4 Sampel Kajian	62
3.5 Prosedur Kajian	63
3.5.1 Program Intervensi	67
3.5.2 Penilaian Selepas Intervensi	73
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan	75
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	77
3.8 Kaedah Menganalisis Data	79
3.9 Normaliti Data	81
3.10 Peranan Penyelidik	83
3.11 Etika Penyelidikan Kanak-kanak	83
3.12 Rumusan	85

BAB 4 DAPATAN

4.1 Pengenalan	86
4.2 Analisis Ujian	87
4.2.1 Analisis Ujian Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan	88





4.2.2 Analisis Ujian Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Rawatan	91
4.2.3 Analisis Perbandingan Keputusan Ujian bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	94
4.2.4 Analisis Keputusan Ujian Mengikut Gred Peperiksaan	97
4.3 Analisis Gred Bahasa Cina Responden	101
4.4 Analisis Minat Belajar Responden Dalam Mata Pelajaran Bahasa Cina	102
4.4.1 Analisis Gembira Belajar Bahasa Cina Menggunakan ‘badge button’	105
4.4.2 Analisis Seronok Apabila Guru Mengajar Dengan ‘Badge Button’	106
4.4.3 Analisis Lebih Bersemangat Belajar Bahasa Cina	107
4.4.4 Analisis Bersungguh-sungguh Belajar Bahasa Cina	108
4.4.5 Analisis Aktif Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Bahasa Cina	109
4.4.6 Analisis Tidak Bosan Belajar Bahasa Cina	110
4.4.7 Analisis Tidak Berasa Mengantuk Semasa Mengajar Dengan ‘Badge Button’	111
4.4.8 Analisis Berminat Untuk Belajar Bahasa Cina	112
4.4.9 Analisis Mendapat Kepuasan Semasa Belajar Bahasa Cina	113
4.4.10 Analisis Memberi Tumpuan Perhatian Kepada Isi Pengajaran	114
4.4.11 Analisis Lebih Yakin Untuk Belajar Bahasa Cina	115
4.4.12 Analisis Memahami Isi Kandungan Pengajaran Bahasa Cina Dengan Mudah	116
4.4.13 Analisis Memberi Dorongan Kepada Responden	117
4.5 Penutup	119



**BAB 5 PENUTUP**

5.1 Pendahuluan	120
5.2 Ringkasan Kajian	121
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	122
5.4 Implikasi Dapatan Kajian	123
5.5 Cadangan Kajian	126
5.6 Kesimpulan	127
RUJUKAN	131
LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka Surat
3.1 Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen Kaedah Ujian Pra dan Ujian Pasca	52
3.2 Proses Pelaksanaan Program Intervensi	54
3.3 Aras Taksonomi Bloom (1956)	56
3.4 Enam Aras Soalan Ujian Pra-Pasca	57
3.5 Susunan Semula Soalan Bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca	58
3.6 Nilai Skala Likert 5 dan Indikator	61
3.7 Jadual Proses Pelaksanaan Kajian Kuasi Eksperimen	63
3.8 Proses Pungutan Data	67
3.9 Nilai Perolehan ‘Badge Button’	70
3.10 Sasaran Hadiah	72
3.11 Perubahan Tingkah Laku Menunjukkan Minat Belajar	74
3.12 Keputusan <i>Reliability Analysis</i>	76
3.13 Kaedah Menganalisis Data	80
3.14 Gred bagi Sekolah Rendah	81
3.15 Keputusan Ujian Normaliti	82
4.1 Perbandingan Keputusan Analisis Ujian Pra dan Ujian Pasca Setiap Responden Dalam Kumpulan Kawalan	88
4.2 <i>Paired Samples Statistics</i> Bagi Kumpulan Kawalan	90
4.3 <i>Paired Samples Test</i> Bagi Kumpulan Kawalan	90





4.4	Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	91
4.5	<i>Paired Samples Statistics</i> Bagi Kumpulan Rawatan	93
4.6	<i>Paired Samples Test</i> Bagi Kumpulan Rawatan	93
4.7	Tahap Pencapaian Responden dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	98
4.8	Tahap Pencapaian Responden Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	99
4.9	Minat Belajar Responden Atas Penggunaan ‘Badge Button’ Dalam Mata Pelajaran Bahasa Cina	103





SENARAI RAJAH

No.Rajah		Muka Surat
3.1	Carta Aliran Proses Kajian	53
3.2	Reka Bentuk Ujian Pra-Pasca Bagi Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan	59
3.3	Nilai Jenis ‘Badge Button’ yang Digunakan Dalam Program Intervensi	68
3.4	Cara Pertukaran Badge Button	68
3.5	Carta Badge Button	69
3.6	Carta ‘Badge Button’ yang Digunakan Untuk Membuat Demonstrasi	71
3.7	Carta Ganjaran	73
4.1	Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	95
4.2	Perbandingan Peningkatan Keputusan Ujian Bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	96
4.3	Peratusan Responden Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	98
4.4	Peratusan Responden Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	100
4.5	Gred Responden Dalam Mata Pelajaran Bahasa Cina	102
4.6	Gembira Belajar Bahasa Cina Menggunakan ‘Badge Button’	105
4.7	Seronok Apabila Guru Mengajar Dengan ‘Badge Button’	106
4.8	Lebih Bersemangat Belajar Bahasa Cina	107





4.9	Bersungguh-sungguh Belajar Bahasa Cina	108
4.10	Aktif Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Bahasa Cina	109
4.11	Tidak Bosan Belajar Bahasa Cina	110
4.12	Tidak Berasa Mengantuk Semasa Mengajar Dengan ‘Badge Button’	111
4.13	Berminat Untuk Belajar Bahasa Cina	112
4.14	Mendapat Kepuasan Semasa Belajar Bahasa Cina	113
4.15	Memberi Tumpuan Perhatian kepada Isi Pengajaran	114
4.16	Lebih Yakin Untuk Belajar Bahasa Cina	115
4.17	Memahami Isi Kandungan Pengajaran Bahasa Cina Dengan Mudah	116
4.18	Memberi Dorongan Kepada Responden	117





SENARAI SINGKATAN

ABA	Reka Bentuk Pembalikan
BCSK	Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
SPSS	Statistical Package for Social Science





SENARAI LAMPIRAN

- A Set Soalan Instrumen Ujian Pra
- B Set Soalan Instrumen Ujian Pasca
- C Borang Soal Selidik
- D Borang Penilaian Pakar Kesahan Bahasa Borang Soal Selidik
- E Borang Penilaian Pakar Kesahan Kandungan Borang Soal Selidik
- F Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- G Rancangan Pengajaran Harian
- H Keputusan Borang Soal Selidik





BAB 1

PENGENALAN



Bab ini membincangkan tentang kajian yang ingin dilaksanakan dalam beberapa topik.

Kajian ini berfokus kepada kesan ‘badge button’ iaitu salah sejenis sistem token ekonomi dalam meningkatkan minat belajar terhadap pengajaran Bahasa Cina bagi responden yang berumur 10 tahun. Perbincangan menyentuh latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Kajian ini bertujuan untuk mengumpulkan maklumat berkenaan dengan keberkesanan ‘bagde button’ meningkatkan minat belajar terhadap Bahasa Cina.





1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Cina dikenali sebagai Bahasa Mandarin dan Pu Tong Hua. Ia adalah Bahasa nasional bagi negara China. Pereltsvaig (2012) mengkategorikan bahasa Cina dalam keluarga bahasa Sino-Tibetan. Keluarga bahasa Sino-Tibetan merupakan keluarga bahasa yang kedua besar dari segi bilangan penuturnya setelah keluarga bahasa Indo-European. Namun, bahasa Cina merupakan bahasa yang mempunyai paling ramai penutur di dunia, iaitu 14% daripada populasi di dunia bertutur dalam bahasa tersebut, dan 92% daripada penutur bahasa Cina berasal dari negara China (Pereltsvaig, 2012).



Walaupun Bahasa Mandarin berada dalam kedudukan yang rendah pada tahun 1995, tetapi kepopularnya telah meningkat dua kali ganda pada tahun 2005 dan dijangka akan meningkat lagi selepas tahun 2005 (Pietiläinen, 2011). Mengikut laporan Kementerian Pengajian Tinggi (2010), kepopularan bahasa asing di Universiti Malaysia mengikut permintaan pelajar ialah bahasa Mandarin, diikuti dengan bahasa Perancis dan bahasa Arab yang menjadi semakin popular baru-baru ini. Jelas dilihat, pembelajaran bahasa Mandarin telah menjadi trend global dan juga merupakan bahasa yang popular di pentas dunia.

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kebanyakkannya rakyat Malaysia dapat berbahasa lebih daripada satu bahasa. Dengan itu, sistem pendidikan di Malaysia menjadi istimewa jika dibanding dengan negara lain. Pendidikan merupakan suatu usaha yang berterusan dan mencabar untuk mewujudkan suasana belajar yang kondusif demi untuk mengembangkan potensi seseorang individu





yang diperlukan oleh masyarakat, bangsa dan negara. Lenher dan Wurzenberger (2013) menyatakan bahawa seseorang individu memerlukan ilmu pengetahuan serta keterampilan baru untuk mengelola kehidupan hariannya. Pendidikan sekolah rendah di Malaysia terdapat tiga aliran, iaitu sekolah jenis kebangsaan cina, sekolah jenis kebangsaan tamil dan sekolah kebangsaan. Walaupun majoriti murid di sekolah jenis kebangsaan cina terdiri daripada kaum Cina, tetapi kini terdapat banyak kaum Melayu dan kaum India juga memasuki sekolah jenis kebangsaan cina untuk belajar Bahasa Cina. Di sekolah jenis kebangsaan cina, Bahasa Cina bukan sahaja diajar sebagai satu mata pelajaran, malahan Bahasa Cina juga merupakan bahasa pengantar untuk mata pelajaran yang lain.

Di samping itu, Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) merupakan mata pelajaran baru yang diperkenalkan semasa pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang berkuat kuasa mulai 3hb Januari 2011. Pengenalan KSSR merupakan suatu transformasi kurikulum persekolahan untuk penambahbaikan kurikulum yang sedia ada (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Perubahan baharu dalam bidang pendidikan menekankan kepentingan keperluan pengajaran yang dapat mengarahkan individu untuk belajar (Nasrallah, 2014) kerana ia akan menentukan hasil belajar seseorang individu. Hasil dari pengalaman belajar (Nemeth dan Long, 2012) yang dibangun melalui proses pembelajaran (Singh, Srivastava dan Singh, 2015) dapat diukur dalam pengalaman yang diharungi oleh individu. Ini membuktikan pendidikan adalah penting kepada seseorang untuk membawa kemajuan pada masa hadapan.





Dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, kewujudan masalah kekurangan minat belajar murid dalam bilik darjah merupakan hal hangat yang sering diperkatakan oleh para pendidik terutamanya pada waktu persekolahan tengah hari. Menurut Haliza dan Joy Nesamalar (2009), persekitaran pembelajaran yang kondusif dapat meningkatkan penglibatan murid dan minat murid terhadap proses pengajaran. Sekiranya suasana pembelajaran dalam bilik darjah adalah kondusif, maka murid akan berminat terhadap proses pengajaran yang disampaikan. Minat belajar memainkan peranan penting seseorang terhadap sesuatu perkara ataupun hal. Atas sebab itu, intervensi haruslah sentiasa dilakukan untuk meningkatkan minat belajar murid.

Untuk mencapai pendidikan yang berkualiti, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran merupakan kunci kejayaan untuk meningkat hasil belajar individu.

Keberkesanan proses pembelajaran dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran ialah minat. Minat adalah daya ketertarikan terhadap sesuatu tanpa disuruh. Dengan adanya minat belajar, proses pembelajaran murid akan menjadi berkesan. Malahan, ilmu pengetahuan dapat dituntut dengan mudah serta berkualiti. Jika murid-murid kehilangan minat dalam pembelajaran, apa jua sahaja yang disampaikan oleh guru hanya akan membazirkan masa walaupun guru mengajar dengan bertungkus lumus. Gangguan ini akan menjadi suatu cabaran kepada guru semasa di bilik darjah (Guardino dan Fullerton, 2010).

Menurut Norzaini dan Mohamed Sani (2007), seorang guru yang berjaya bukan sahaja mahir dalam mengajar tetapi berperanan sebagai penasihat, perunding, pendorong dan juga mengawasi disiplin. Hal ini selaras dengan pendapat Mok Soon Sang (2003) dan Syed Ismail dan Ahmad Subki (2010) yang menyatakan guru wajib





menimbulkan minat murid terhadap proses pengajaran dan membimbang mereka dengan cara belajar yang berkesan. Semua pembelajaran yang berlaku mempunyai matlamat yang hendak dicapai. Kejayaan murid bergantung kuat pada minat dan semangat murid terhadap kejayaan yang ingin dicapai. Sekiranya terdapat daya tarikan dalam proses pengajaran yang disampaikan, murid-murid akan bersemangat dan berminat terhadap isi kandungan yang disampaikan. Hasil ini sejajar dengan penelitian yang diteliti oleh Safitri dan Kustini, (2014) dan juga Hadi dan Farida, (2012) yang membuktikan pengaruh minat belajar terhadap hasil pembelajaran murid.

Kajian yang dijalankan oleh Stage dan Quiroz (1997), kajian menunjukkan bahawa 30% guru yang memberi maklum balas positif kepada murid-murid dapat mengurangkan tingkah laku yang menimbulkan gangguan serta meningkatkan minat belajarnya. Para guru mendapati bahawa strategi yang berkesan untuk menarik minat murid dan mengurangkan tingkah laku negatif adalah menggunakan sistem ganjaran bilik darjah. Sistem ganjaran bilik darjah merupakan suatu sistem yang memberi motivasi kepada murid supaya berusaha untuk mendapat ganjaran. Adakah sistem ganjaran bilik darjah yang dilaksanakan dapat meningkatkan minat murid terhadap proses pengajaran Bahasa Cina?

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah ini, jelaslah masih terdapat kelemahan dan kekurangan untuk meningkatkan minat belajar murid. Kini, pelbagai kajian yang telah dilakukan menjelaskan bahawa minat belajar seseorang mengganggu kelancaran proses





pengajaran dan pembelajaran. Melalui dapatan yang diperolehi di sekolah, ramai murid kehilangan minat untuk belajar Bahasa Cina. Mereka berasa sukar belajar untuk memahami Bahasa Cina terutama murid tahap dua.

Mengikut sukatan pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diperkenalkan, isi kandungan Bahasa Cina kian mendalam dan memerlukan pemikiran aras tinggi. Segelintir murid juga ditemu ramah sebelum mula kajian. Mereka berasa belajar Bahasa Cina merupakan sesuatu yang membebankan terutamanya murid kaum lain. Tambahan pula, mereka juga kurang berminat untuk belajar Bahasa Cina. Perbandingan analisis keputusan peperiksaan Bahasa Cina murid Tahun 3 dan Tahun 4 telah menunjukkan bahawa pencapaian murid kian merosot apabila mereka melangkau ke Tahun 4 sejak KSSR bermula pada tahun 2011. Para guru di sekolah juga menyatakan bahawa murid-murid tidak dapat menguasai kemahiran dengan baik.

Jelaslah masih terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki dalam meningkatkan minat belajar murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina. Guru masa kini menghadapi kesukaran untuk meningkatkan minat belajar dalam pembelajaran Bahasa Cina terutamanya murid Tahun 4. Hal ini kerana sukatan pelajaran bagi Tahun 4 mempunyai jurang yang besar dengan sukatan pelajaran Tahun 3. Misalnya, petikan bagi Tahun 4 adalah lebih panjang berbanding dengan petikan Tahun 3. Situasi ini menyebabkan mereka sukar untuk menguasai kemahiran membaca. Bahasa Cina semakin sukar untuk ditulis dan diingati apabila sukatan pelajaran kian susah. Keadaan ini amat membimbangkan kerana Bahasa Cina merupakan bahasa pengantar utama di sekolah jenis kebangsaan Cina.





Kini, masalah minat belajar dipandang rendah oleh lapisan masyarakat. Ramai orang beranggapan bahawa minat belajar tidak memainkan peranan dalam proses pembelajaran seseorang. Apa yang penting adalah murid-murid mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan dan memperolehi peluang pekerjaan yang baik. Namun, jika minat belajar seseorang tidak dipertingkatkan semenjak mereka masih kecil, maka kehendak dan keinginan untuk belajar kian berkurangan. Hal ini akan menjadi suatu kekangan kepada guru semasa melaksanakan proses pengajaran. Pengaruh positif minat akan mendorong seseorang ingin merasakan hal-hal yang menyenangkan (Garner dan Ormrod, 2003). Dengan adanya minat untuk belajar, ingatan dan pemahaman seseorang terhadap apa yang dipelajari dapat diperkuatkan.

Untuk menjamin kualiti proses pengajaran, minat belajar murid-murid haruslah

dititikberatkan. Menurut Noriati, Boon, Sharifah Fakhriah dan Zuraidah (2010), pelbagai masalah disiplin yang melibatkan murid berlaku kerana pengajaran guru yang membosankan tidak dapat menarik minat belajar murid-murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti bilik darjah. Guru boleh meningkatkan minat belajar murid-murid terhadap pengajaran Bahasa Cina. Maka, guru perlu mempelbagaikan strategi pengajaran demi menarik minat belajar murid. Menurut Oxford dan Crookall (1989) dan Lessard-Clouston (1997), guru yang mempelbagaikan cara pengajarannya dapat menarik minat murid dan mereka dapat menguasainya dengan cepat dan berkesan. Marzano dan Pickering (2003) menyatakan terdapat guru berpendapat sistem token ekonomi dapat meningkatkan tingkah laku positif murid di dalam bilik darjah. Ia memainkan peranan penting untuk meningkatkan minat belajar murid terhadap pengajaran Bahasa Cina. Stage dan Quiroz (1997) Kajian menunjukkan bahawa melebihi tiga puluh peratus tingkah laku dipengaruhi oleh rangsangan yang diberikan.





Dengan pengamalan sistem ‘badge button’, guru boleh menarik minat belajar murid dan mendorong murid untuk melibatkan diri dalam proses pengajaran yang dijalankan oleh guru.

Sehubungan itu, kajian ini dibuat untuk mengenalpastikan kesan penggunaan ‘Badge Button’ meningkatkan minat belajar murid terhadap proses pengajaran Bahasa Cina. Sistem Badge Button diperkenalkan sebagai satu kaedah modifikasi tingkah laku untuk meningkatkan tumpuan dan semangat keinginan belajar murid terhadap proses pengajaran Bahasa Cina. Pengkaji ingin melihat sama ada penggunaan ‘Badge Button’ yang diamalkan dalam bilik darjah adakah ia bersesuaian untuk meningkatkan minat belajar murid terhadap proses pengajaran Bahasa Cina. Intervensi awal adalah penting supaya tidak kehilangan minat belajar murid sebelum terlambat dan mengakibatkan proses pembelajaran masa depan terjejas.



Mohd Hasani dan Mohd Johdi (2009) sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa peranan seorang guru pada zaman moden ini semakin mencabar. Jika seseorang guru tidak professional, situasi ini akan mendatangkan implikasi positif serta negatif kepada kerjaya guru dan juga sistem pendidikan negara. Justeru, sebagai seorang guru yang berprofessional, guru haruslah memastikan proses pengajaran dan pengajaran disampaikan dengan berkualiti. Murid-murid dapat menguasai isi kandungan dengan sempurna.





1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah bagi mengukur keberkesanan penggunaan sistem Badge Button untuk meningkatkan minat belajar dan pencapaian murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina.

Manakala objektif khusus kajian ini adalah untuk; -

- i) Mengenal pasti kesan penggunaan sistem ‘Badge Button’ untuk meningkatkan minat belajar dan pencapaian murid kumpulan rawatan terhadap pengajaran Bahasa Cina.
- ii) Mengenal pasti perbezaan minat belajar dan pencapaian murid bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan semasa pengajaran Bahasa Cina.



1.5 Soalan kajian dan hipotesis kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dinyatakan untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti iaitu:-





1.5.1 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, kajian ini cuba menjawab beberapa soalan berikut:

- i) Adakah penggunaan sistem ‘Badge Button’ berkesan untuk meningkatkan minat belajar dan pencapaian murid kumpulan rawatan terhadap pengajaran Bahasa Cina?
- ii) Adakah terdapat perbezaan minat belajar dan pencapaian murid bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan semasa pengajaran Bahasa Cina?

1.5.2 Hipotesis Kajian



Untuk mencapai tujuan dan objektif kajian ini, dua hipotesis yang dikemukakan:

Hipotesis alternatif : Terdapat keberkesanan intervensi untuk meningkatkan minat belajar dan pencapaian murid kumpulan rawatan terhadap pengajaran Bahasa Cina dengan menggunakan sistem ‘Badge Button’.

Hipotesis nol : Tiada kesan intervensi untuk meningkatkan minat belajar dan pencapaian murid kumpulan rawatan terhadap pengajaran Bahasa Cina dengan menggunakan sistem ‘Badge Button’.





1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini dijalankan dalam kalangan murid-murid sekolah jenis kebangsaan cina di Tanjung Malim, Perak. Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan penggunaan ‘Badge Button’ meningkatkan minat belajar murid terhadap proses pengajaran Bahasa Cina. Ia bertujuan melihat sama ada penggunaan ‘Badge Button’ dapat menarik minat belajar murid terhadap sukan pengajaran Bahasa Cina yang mendalam dan dianggap rumit bagi murid. Hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai suatu rujukan dan panduan kepada para pendidik untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran mata pelajaran lain, bukan sahaja diaplikasikan dalam mata pelajaran Bahasa Cina sahaja. Kajian ini berharap dapat membantu dan membimbing warga pendidikan terutamanya para guru pelatih daripada menghadapi masalah sebelum mereka mula menjelaki ke bidang



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di kalangan murid-murid tahun 4. Ia bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang pendidikan. Kajian ini bertujuan melihat sama ada penggunaan ‘Badge Button’ berkesan untuk meningkatkan minat belajar murid terhadap mata pelajaran Bahasa Cina. Kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada golongan yang terlibat dalam era pendidikan, iaitu Kementerian Pendidikan, guru-guru dan pengkaji masa depan.





1.7.1 Kementerian Pendidikan

Hasil dapatan kajian ini dapat memberi gambaran kepada pihak kementerian tentang minat belajar murid terhadap Bahasa Cina. Statistik juga menunjukkan bilangan murid yang mendaftar untuk menduduki peperiksaan Bahasa Cina juga kian menurun. Kajian ini boleh memberi panduan kepada pihak kementerian pendidik untuk menitikberatkan keadaan ini dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk meningkatkan minat belajar murid-murid terhadap Bahasa Cina. Selain itu, pihak kementerian juga boleh merancang pelan pengajaran kepada para pendidik agar mereka dapat meningkatkan minat belajar dengan lebih mudah.



Hasil dapatan kajian ini juga dapat memberikan gambaran dan pendedahan kepada guru untuk mempraktikkan amalan pengurusan bilik darjah yang sesuai terutama bagi guru baharu. Guru boleh membuat bandingan penggunaan jenis token yang berlainan demi untuk meningkatkan kualiti proses penyampaian isi pengajaran. Malahan, guru juga boleh mengubahsuai cara pelaksanaan sistem token untuk memenuhi tahap kemampuan murid-murid dari semasa ke semasa.





1.7.3 Pengkaji Masa Depan

Kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan atau panduan kepada pengkaji untuk mengkaji topik yang berkaitan dengan penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, mereka juga berkemungkinan berminat untuk melakukan kajian lanjutan daripada kajian ini. Ia membolehkan mereka melihat kepentingan penggunaan ‘Badge Button’ untuk meningkat minat belajar dalam bidang yang lain dan bukan terhad sahaja dalam mata pelajaran Bahasa Cina.

1.7.4 Pihak lain

Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada warga pendidikan ataupun organisasi pendidikan yang ingin meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji juga dapat membanding beza keberkesanan penggunaan ‘Badge Button’ dengan token yang berlainan agar dapat menemui cara yang terbaik untuk meningkatkan minat belajar murid-murid.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada sebuah sekolah jenis kebangsaan cina di daerah Muallim, Tanjong Malim, Perak. Sampel kajian yang dipilih adalah murid-murid Tahun 4 yang terdiri daripada 84 orang murid dalam 2 kelas. Kesemua sampel kajian dipilih secara rawak daripada kumpulan yang sedia ada. Kajian ini dijalankan kepada murid-murid



yang berasaskan latar belakang sederhana sahaja. Latar belakang sampel kajian yang dipilih adalah hampir sama. 90% sampel kajian yang dipilih adalah ber kaum Cina serta 10% sampel kajian adalah kaum Melayu dan kaum India. Kajian intervensi menggunakan ‘Badge Button’ yang akan dilaksanakan kepada kumpulan rawatan manakala kumpulan kawalan tidak diberikan sebarang intervensi.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Definisi ‘Badge Button’

‘Badge Button’ merupakan salah satu sistem token ekonomi yang kerap diperaktikkan

dalam pengurusan bilik darjah. Ia adalah diubahsuai daripada sistem token ekonomi yang sedia ada. Jones (2009) Sistem penggunaan ‘Badge Button’ merupakan suatu sistem perlakuan pemberian penghargaan kepada seseorang individu yang diwujudkan secara visual dan usaha untuk mengembangkan perilaku bersesuaian dengan tujuan yang diharapkan melalui penggunaan penghargaan.

Menurut Samantha Shakespeare, Vincent Peterkin dan Paul Andrew Bourne (2018), bentuk token ekonomi boleh dipelbagaikan. Misalnya, ia boleh dalam bentuk kertas pelekat, cek, kartoon, kraf tangan, barang mainan ataupun hadiah kecil. Andrew Alstot (2012) menyatakan bahawa penggunaan ‘Bagde Button’ adalah satu bentuk pengubahan perilaku yang dirancang untuk meningkatkan perilaku yang disukai dan mengurangkan perilaku yang tidak disukai dengan menggunakan token. Changi



dan Daly (2012) menjelaskan token ekonomi adalah sebuah sistem pengukuhan yang diberikan untuk murid-murid dengan bentuk hadiah nyata atas syarat yang ditetapkan.

Tujuan penggunaan ‘Badge Button’ adalah memberikan penghargaan kepada murid demi membangkitkan minatnya untuk melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina (Maggin, Chafouleas, Goddard dan Johnson, 2011). Camp (2012) menjelaskan token ekonomi adalah teknik yang sesuai digunakan untuk memperkuuhkan tingkah laku positif seperti menyiapkan tugas, mematuhi arahan, tidak berjalan-jalan dalam kelas. Guru boleh memberikan ‘Bagde Button’ sebagai peneguhan positif kepada murid untuk mempamerkan tingkah laku baharu yang diingini. ‘Bagde Button’ yang digunakan boleh diwakili dalam bentuk objek atau simbol untuk pertukaran barang atau perkhidmatan. Malahan, ‘Bagde Button’ yang digunakan boleh menarik minat dan menjadi dorongan kepada murid-murid. Secara tidak langsung, pemberian ‘Bagde Button’ tersebut dapat memotivasikan murid-murid dan mepengaruhinya.

1.9.2 Definisi Minat Belajar

Minat memainkan peranan penting dalam proses pengajaran. Minat biasanya dikaitkan dengan keseronokan. Para ahli telah mendefinisikan pengertian minat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Crow dan Crow yang diterjemahkan oleh Johny Killis (1988), minat adalah pendorong yang menyebabkan seseorang memberi perhatian terhadap orang, sesuatu perkara ataupun aktiviti-aktiviti tertentu. Beliau berpendapat bahawa seseorang yang mempunyai minat terhadap belajar, maka dia akan





terdorong untuk memberikan perhatian terhadap kandungan pembelajarannya. Minat juga sering ditakrifkan sebagai suatu hubungan objek dengan individu dari segi interaksi individu dengan alam sekitar (Krapp, 2005).

Minat adalah kesedaran seseorang terhadap suatu objek, seseorang mahupun situasi yang berkaitan dengan diri sendiri. Tambahan pula, minat adalah kecenderungan hati yang tinggi terhadap sesuatu. Ia diandaikan sebagai suatu penglibatan diri yang akan memberi pengalaman yang lebih realistik dan menarik (Franklin dan Peat, 2005). Jika seseorang individu berminat terhadap aktiviti yang berlangsung, individu akan memperhatikan aktiviti itu secara konsisten dengan rasa senang hati. Dia akan melakukan aktiviti secara sukarela tanpa disuruh atau diberi arahan. Dengan itu, proses pembelajaran akan berlaku secara lancar.



Menurut Ramlan Hamzah dan Lily Mastura (2005), belajar ialah satu proses tindakan yang dilakukan oleh seseorang untuk mendapatkan suatu perubahan tingkah laku yang baru secara keseluruhan, sebagai hasil pengalaman individu itu sendiri dalam interaksi dengan persekitarannya. Tambahan pula, belajar juga merupakan satu proses di mana seseorang individu perlu memproses maklumat yang diperolehi dan membuat perubahan atau peningkatan pengetahuan, kebolehan dan kemahiran.

Perkataan ‘belajar’ banyak digunakan dalam lingkungan pendidikan. Dalam wikipedia, belajar adalah perubahan yang relatif sementara dalam perilaku atau potensi perilaku sebagai hasil dari pengalaman atau latihan yang diperkuuhkan. Belajar merupakan akibat adanya interaksi antara stimulus dan respon. Seseorang dianggap telah belajar sesuatu jika dia dapat menunjukkan perubahan perilakunya. Menurut



Kamus Webster pula, istilah “belajar” boleh ditakrifkan sebagai perubahan atau pengalaman yang diperolehi melalui pendidikan. Secara perbandingan, ahli psikologi mentakrifkan belajar ialah proses perubahan yang agak kekal hasil daripada amalan atau pengalaman (Columbia Encyclopedia).

Dari perspektif pendidikan pula, belajar didefinisikan sebagai perubahan tingkah laku seseorang akibat ilmu, kemahiran atau amalan yang diperoleh melalui proses pendidikan. Menurut Gagne dalam bukunya *The Conditions of Learning* 1977 pula, belajar adalah suatu perubahan yang dapat diperlihatkan dalam perubahan tingkah laku, di mana keadaannya adalah berbeza daripada sebelum individu berada dalam situasi belajar dengan selepas belajar. Perubahan yang berlaku ialah suatu pengalaman atau latihan kepada seseorang. Gagne (2007) mendefinisikan belajar sebagai suatu proses di mana tingkah laku suatu organisma berubah akibat pengalaman sedia ada.

Beliau juga menyatakan bahawa belajar ialah usaha sedar yang dilakukan oleh individu dalam perubahan tingkah laku untuk memperoleh tujuan tertentu.

Dengan kata lain, minat belajar dapat dipertingkatkan apabila murid kita mengaplikasikan ilmu yang baru diperoleh dalam situasi kehidupan harian. Kajian Walter Vispoel dan James Austin (1995) mendapati minat murid terhadap pembelajarannya mempengaruhi kejayaan dan kecemerlangannya. Jika murid berminat, maka mereka akan menunjukkan peningkatan minat terhadap matlamat yang mampu dicapainya. Diana Stirling (2012) juga menyatakan motivasi dan minat belajar seseorang penting dalam pembelajaran. Tanpa motivasi dan minat belajar, apa yang disampaikan oleh pendidik tidak akan berjaya dan proses pembelajaran juga tidak akan berlaku.



1.9.3 Definisi Pengajaran

Merujuk kepada buku Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (2009), pengajaran dari sudur Bahasa membawa maksud proses mengajar, maka pastinya proses mengajar itu daripada guru kepada pelajar. Dalam proses ini, guru memberikan dorongan agar murid terlibat dalam proses menerima maklumat dan pengetahuan yang disampaikan oleh guru.

1.10 Kesimpulan

Zaman teknologi berkembang dengan pesat. Tugasan dan bebanan guru semasa mengajar p kian mencabar. Tambahan pula, minat belajar murid-murid mudah terpengaruh dengan pelbagai daya tarikan di suasana persekitarannya. Keadaan ini amat mengganggu proses pembelajaran murid dan proses pengajaran tidak dapat dilaksanakan dengan lancar. Untuk mengatasi masalah ini, para guru haruslah mengubahsuaikan strategi pengajaran dengan pelbagai cara yang bersesuaian untuk mendorong minat belajar murid berdasarkan kemampuan murid masing-masing. Minat belajar murid penting untuk menjamin pencapaian masa depannya.

Justeru, kajian ini berharap dapat memberi maklumat yang berguna kepada para pendidik untuk meningkatkan minat belajar dan usaha haruslah dilakukan secara berterusan demi untuk mencapai kejayaan. Guru wajar mengamalkan penggunaan ‘Badge Button’ semasa proses pengajaran agar murid-murid berasa senang hati untuk belajar. Dengan itu, barulah penguasaan murid terhadap sesuatu dapat dipertingkatkan.

